

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(TAWARAN KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Penyebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia yang beroperasi di kawasan negeri Pulau Pinang sahaja** dan masih lagi dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

- i) **No. Sebutharga** : **PERDA/PT/S/3/2026**
ii) **Tajuk Sebutharga** : **Perkhidmatan Menanggal Karpet Sedia Ada Serta Membekal Dan Memasang Karpet Baharu Termasuk Lain-Lain Yang Berkaitan Di Pusat Islam Serta Bangunan ICT, Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH)**
iii) **Kelayakan Kontraktor** : **Kod Bidang : 020103 : Permaidani / Ambar**
iv) **Tarikh Kenyataan Tawaran** : **24 Februari 2026 (Selasa)**
iv) **Tarikh & Masa Lawatan Tapak** : **3 Mac 2026 (Selasa), jam 10.00 pagi**
v) **Tarikh Jualan Dokumen** : **3 Mac 2026 (Selasa)**
vi) **Harga Dokumen** : **RM10.00 senaskah**
vii) **Tarikh Tutup Tawaran** : **10 Mac 2026 (Selasa)**

2. Satu lawatan tapak akan diadakan pada **3 Mac 2026 (Selasa), jam 10.00 pagi**. Kontraktor adalah dikehendaki berkumpul di **Dewan Utama PERDA-TECH** pada tarikh dan masa yang dinyatakan. Lembaga ini tidak akan menyediakan sebarang kemudahan pengangkutan bagi tujuan lawatan tersebut. Lawatan adalah **DIWAJIBKAN** bagi semua kontraktor yang ingin mengambil bahagian. Dokumen sebutharga boleh diperolehi pada **3 Mac 2026 (Selasa)**, dengan harga sebanyak **RM10.00** senaskah pada hari, waktu dan di alamat seperti berikut :

HARI	WAKTU	TEMPAT
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi hingga 1.00 petang 2.00 petang hingga 5.00 petang	Kaunter Kutipan Hasil, Bahagian Kewangan Aras 5, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth. No. Tel : 04-3141 100 No. Faks : 04-3103 178
Jumaat	8.00 pagi hingga 12.15 tengahari 2.45 petang hingga 5.00 petang	

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah WAJIB dan kontraktor dikehendaki membawa sijil pendaftaran asal serta sesalinan sijil pendaftaran untuk simpanan PERDA. Hanya pemilik/penama dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak ini.
4. Dokumen hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak. Kontraktor perlu menunjukkan dan mengemukakan sesalinan sijil semasa membeli dokumen ini.
5. Kontraktor adalah dinasihatkan untuk melawat dan memeriksa tempat serta memperoleh sendiri segala maklumat yang perlu mengenai risiko dan hal-hal lain yang mempengaruhi dan menjejaskan tawaran. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.
6. Dokumen tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dengan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kepala yang berkaitan dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang masih sah digunakan. Sijil Keahlian Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Pulau Pinang hendaklah disertakan (sekiranya ada).
7. Tawaran ini akan ditutup pada **10 Mac 2026 (Selasa) jam 12.00 tengahari**. Dokumen tawaran yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kewangan, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Tingkat 5, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth pada hari tersebut sebelum jam 12.00 tengahari.
8. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.